

Headline	Mengapa acara sastra antarabangsa kita tidak kekal?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	382 cm ²
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 12,933
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,798



Mengapa acara sastra antarabangsa kita tidak kekal?

Program seni bentuk sikap berbudaya



Dr Anwar Ridhwan

Penulis
ialah Sasterawan
Negara dan
Pensyarah Fakulti
Penulisan Kreatif
ASWARA

Pada 1980-an dan 1990-an, Kuala Lumpur World Poetry Reading adalah acara sastra peringkat antarabangsa yang terkenal. Penyair tempatan menanti-nanti ketibaannya. Penyair antarabangsa juga tertunggu-tunggu untuk datang ke Kuala Lumpur bagi membaca puisi dan mengadakan perbincangan dengan teman penyair antarabangsa yang berkumpul di ibu kota.

Dalam kesempatan itulah, sasterawan antarabangsa dapat bertemu dengan sasterawan kita dan kita bertemu mereka. Kalau diibaratkan permainan bola, kesempatan tahunan itu membolehkan pemain kita bersemuka dan bersaing dengan pemain dari Barcelona, Chelsea atau Manchester United.

Kuala Lumpur World Poetry Reading sudah lama mati. Boleh dikatakan, kita tidak mempunyai apa-apa lagi program sastra peringkat antarabangsa yang tekal, secara tahunan atau dwitahunan. Kalau adapun hanya program peringkat rantau, yang membabitkan ahli Majlis Sastera Asia Tenggara, yang menggunakan bahasa Melayu.

Headline	Mengapa acara sastera antarabangsa kita tidak kekal?		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	382 cm ²
Journalist	Dr Anwar Ridhwan	AdValue	RM 12,933
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,798

Hidupkan semula program

Alangkah molek jika kerajaan, melalui agensi yang berkaitan, mengenal pasti semula program sastera dan seni budaya yang boleh diantarabangsakan secara tetap untuk tempoh yang panjang. Kuala Lumpur World Poetry Reading boleh dihidupkan semula. Di samping itu, boleh juga diadakan festival seni yang lain seperti teater, tari, muzik, filem dan sebagainya.

Festival seni antarabangsa biasanya diadakan di sesuatu tempat yang terkenal kerana pesona alam, legenda atau warisan seninya. Dalam hubungan ini, Malaysia boleh mula menggerakkan Langkawi International Arts Festival umpamanya kerana Langkawi memiliki pelbagai pesona serta dikenali ramai. Kerajaan Sarawak harus dipuji kerana Sarawak Rainforest Music Festival yang diadakan secara tekal semakin dikenali dunia.

Program seni antarabangsa yang kekal lama di sesebuah negara biasanya mendapat sokongan dan dukungan dana daripada pihak kerajaan dan sektor swasta. Selagi sokongan dan dokongan dana itu ada, selagi itulah program seni antarabangsa akan berterusan, tidak kira sama ada sesebuah kerajaan itu kekal atau bertukar ganti.

Aktiviti seni budaya negara jiran

Di Singapura yang melihat kerajaannya kekal melalui beberapa pilihan raya, program seni antarabangsanya seperti Singapore Arts Festival dan Drama Festival masih kekal hingga hari ini.

Di Thailand, yang melihat kerajaannya bertukar ganti, program antarabangsa tahunan SEA Write Award yang diperkenalkan sejak 1979 masih kekal berlangsung hingga kini. Di samping itu, mulai 2012, Thailand memperkenalkan pula program antarabangsa untuk penyair melalui Sunthorn Phu Award.

Di Indonesia pula ada kegiatan seni an-

tarabangsa seperti International Science and Art Festival, Arts in The Island Festival dan Jogja International Performing Arts Festival. Ada beberapa lagi kegiatan seni antarabangsa di Indonesia, terutama yang diadakan di pulau pelancongan Bali, juga di Makasar yang terkenal dengan puisi epik La Galigo.

Melihat kerancangan serta kesinambungan program seni antarabangsa di negara jiran kita, kita bertanya mengapa kita tidak boleh melakukannya setekal mereka? Kita memiliki sastera dan seni budaya yang unik. Prestasi ekonomi negara kita juga lebih baik berbanding Thailand dan Indonesia.

Membentuk sikap berbudaya

Program antarabangsa yang tekal tidak saja memerlukan sokongan moral serta dana daripada kerajaan dan swasta, malah sejauh mana kita dapat membentuk sikap berbudaya dan keupayaan mengendalikan kegiatan antarabangsa.

Sikap berbudaya – dengan erti memahami, menyokong dan menghargai budaya – harus ada dalam diri setiap manusia, lebih-lebih lagi mereka yang berada dalam kedudukan tertentu, yang mempunyai kuasa menentukan pengagihan dana aktiviti. Kita memerlukan pegawai atasan dalam sektor awam dan swasta yang memiliki visi budaya.

Agar perjalanan aktiviti seni antarabangsa dapat ditangani dengan lancar, kita juga memerlukan petugas yang dapat mengendalikan acara dengan baik. Ini memerlukan tata cara serta latihan yang sistematik serta penguasaan pelbagai bahasa.

Program seni antarabangsa yang tekal akan menunjukkan kepada dunia betapa kayanya warisan seni dan budaya kita, yang wajar diketahui dan dikongsi bersama dan dapat dijadikan pemangkin kepada pemahaman kemanusiaan sejagat melalui seni budaya.

“
Program seni antarabangsa yang tekal akan menunjukkan kepada dunia betapa kayanya warisan seni dan budaya kita, yang wajar diketahui dan dikongsi bersama dan dapat dijadikan pemangkin kepada pemahaman kemanusiaan sejagat melalui seni budaya”

E-mel ke
bhrencana@mediaprima.com.my
untuk berkongsi pendapat anda